

Pengecualian Diri & Had Lawatan Sukarela

Pengecualian Diri

Apa itu Pengecualian Diri?

Anda boleh membuat permohonan untuk mengecualikan diri anda daripada satu atau lebih aktiviti perjudian berikut di Singapura:

- Kasino (Resorts World Sentosa dan Marina Bay Sands)
- Bilik Mesin Jackpot di Kelab Privet
- Judi Dalam Talian Singapore Pools



Had Lawatan Sukarela

Apa itu Had Lawatan Sukarela?

Anda boleh membuat permohonan secara sukarela untuk menghadkan bilangan lawatan yang anda lakukan ke kasino di Singapura dalam sebulan.

Mengapa saya perlu memohon?

Masalah perjudian adalah memudaratkan dan boleh menyebabkan akibat yang serius kepada kedua-dua penjudi dan keluarga mereka. Memohon Pengecualian Diri atau Had Lawatan boleh membantu mengawal tabiat perjudian yang berlebihan.



Sumber-sumber

Pejabat kami terletak di:

510 Thomson Road, #05-01, Bangunan SLF,
Singapura 298135

Waktu Operasi:

Isnin hingga Khamis: 8.30 pagi – 6.00 petang
Jumaat: 8.30 pagi – 5.30 petang
Tutup pada hujung minggu dan cuti umum

Pertanyaan dan Temu Janji:

Tel: 6354 8154
Emel: admin@ncpg.org.sg

Di mana saya boleh dapatkan bantuan?

Talian Bantuan Masalah Perjudian Kebangsaan di
1800-6-668-668 atau Webchat di www.ncpg.org.sg
8 pagi hingga 11 malam setiap hari

**Caj masa siaran dikenakan untuk panggilan telefon bimbit ke talian perkhidmatan 1800.*

Bantu Diri Sendiri Pilihan yang Terbaik

Memohon untuk:

- Pengecualian Diri (Kasino)
- Pengecualian Diri (Bilik Mesin Jackpot)
- Pengecualian Diri (Akaun Dalam Talian Singapore Pools)
- Had Lawatan Sukarela (Kasino)



3 Semua Yang Anda Perlu Tahu Sebelum Memohon Pengecualian Diri / Had Lawatan Sukarela

Pengecualian Diri / Had Lawatan Sukarela

Pengecualian Diri / Had Lawatan Sukarela berkuatkuasa serta-merta selepas permohonan diserahkan.

Pengecualian Diri / Had Lawatan Sukarela Pemohon akan kekal berkuatkuasa sehingga Majlis NCPG membatalkannya.

Pemohon boleh membuat permohonan untuk membatalkan Pengecualian Diri / Had Lawatan Sukarela selepas tempoh 12 bulan dari tarikh Pengecualian Diri / Had Lawatan Sukarela berkuat kuasa.

Apabila Pemohon membuat permohonan untuk membatalkan Pengecualian Diri / Had Lawatan Sukarela, beliau akan dirujuk oleh Majlis NCPG untuk menjalani penilaian masalah perjudian dan kaunseling sebagai sebahagian daripada proses untuk membatalkan Pengecualian Diri/Had Lawatan Sukarela.



Pengecualian Diri (Kasino)

Pemohon akan dikecualikan daripada memasuki atau berada di semua premis kasino di Singapura.



Pengecualian Diri (Bilik Mesin Jackpot)

- Pemohon akan dikecualikan daripada memasuki atau berada di dalam semua bilik mesin jackpot¹ di kelab privet kecuali untuk melakukan kerja² dalam bilik-bilik tersebut.
- Pengecualian Diri Pemohon akan berkuatkuasa di semua bilik mesin jackpot di Singapura tanpa mengira sama ada Pemohon adalah ahli kelab privet pada masa permohonan dibuat.



Pengecualian Diri (Judi Dalam Talian Singapore Pools)

Pemohon akan dikecualikan daripada mengakses perkhidmatan berkaitan³ akaun Singapore Pools jika dia adalah pemegang akaun yang sedia ada; dan daripada membuka akaun jika dia bukan pemegang akaun yang sedia ada.



¹"Bilik mesin jackpot" merujuk kepada bilik mesin permainan di bawah Akta Kawalan Perjudian.

²Ini merujuk kepada skop "kerja yang ditentukan" di bawah Akta Kawalan Kasino.

³Ini merujuk kepada perjudian jarak jauh umum di bawah Akta Kawalan Perjudian.

⁴Tempoh satu lawatan ke kasino adalah sehingga 24 jam bermula dari masa seseorang memasuki mana-mana premis kasino di Singapura.

Had Lawatan Sukarela

Pemohon tidak boleh memasuki kasino apabila bilangan lawatan ke kasino untuk bulan tersebut telah mencapai Had Lawatan Sukarela beliau.



Pemohon boleh memohon Had Lawatan Sukarela sebanyak 1, 2, 4, 6, atau 8⁴ lawatan sebulan.



Semua wang levi kemasukan kasino yang dibayar oleh Pemohon tidak akan dikembalikan dalam apa jua keadaan.

3 Bagaimana saya boleh memohon?



Imbas

Memohon untuk Pengecualian Diri



Imbas

Memohon untuk Had Lawatan Sukarela

